



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SCHOOL OF COMPUTING
Faculty of Engineering

UHMS1172 DINAMIKA MALAYSIA

SOALAN TUGASAN:

Bincangkan kepentingan pembangunan sosial di Malaysia dalam konteks masyarakat majmuk.

SECTION : 23 – 1/SECR

COURSE NAME : BACHELOR OF COMPUTER SCIENCE – COMPUTER
NETWORK & SECURITY

LECTURER’S NAME : DR FADILAH BINTI HUZAINI

DATE OF SUBMISSION : 28/12/2019

NO	NAME	MATRIX NO
1	AMEENUDDIN BIN ISMAIL	A19EC0009
2	AZ MUKHLIS ISKANDAR BIN AZLI	A19EC0183
3	MUHAMMAD ISYRAFF IRFAN BIN MOHAMMAD RIZAL	A19EC0099
4	MUHAMMAD RAFIQ REDHA BIN RUSHIDI	A19EC0106

1.0 Pengenalan

1.1 Pembangunan sosial

Dalam era globalisasi yang semakin pesat di mata negara dan dunia, kita sering diiringi dengan persoalan apakah kepentingan pembangunan sosial di Malaysia dalam konteks masyarakat majmuk? Sebelum kita menjawab persoalan tersebut, kita mestilah mengetahui dan memahami definisi dan inti pati pembangunan sosial itu sendiri. Apakah itu pembangunan sosial? Pembangunan sosial boleh didefinisikan sebagai satu proses yang mana seseorang memperoleh identiti dan tingkah laku daripada masyarakat (Hasdilazira, 2012).

Pembangunan sesebuah negara sangat bergantung kepada pembangunan sosial dalam sesebuah masyarakat selain daripada pembangunan politik dan ekonomi. Sementara itu, pembangunan sosial dilatari oleh beberapa entiti iaitu individu, kelompok dan masyarakat keseluruhannya. Penglibatan dalam mengusahakan pembangunan sosial termasuklah beberapa unit sama ada unit yang kecil mahupun unit yang besar. Faktor unit-unit ini sangat penting dalam pembangunan sosial kerana mereka terlibat dalam proses interaksi atau hubungan sosial yang merentasi identiti, kaum, agama dan budaya. Proses-proses yang dilakukan berhubung kait dengan dasar yang digubal dan juga program dan aktiviti yang dilakukan dalam sesebuah masyarakat yang memfokuskan kepada pengisian nilai dalam diri dan pembangunan budaya yang dapat mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Di Malaysia, pembangunan fizikal dan pencapaian ekonomi tidak menjadi kayu ukur semata-mata dalam perbincangan pembangunan negara, malah pembangunan

perlulah digabungkan dengan ikhtiar-ikhtiar kerajaan dan masyarakat serta program bagi mewujudkan integrasi dan perpaduan nasional.

Dapatlah disimpulkan secara ringkas bahawa pembangunan sosial merupakan satu dasar atau entiti yang sangat kritikal dalam usaha pembangunan negara secara keseluruhannya. Oleh itu, berbagai-bagai kementerian, dasar, polisi dan akta di pelbagai peringkat telah pun diperkenalkan dan dikuatkuasakan oleh kerajaan bagi mengusahakan pembangunan sosial di Malaysia.

1.2 Elemen-elemen yang diutarakan oleh kerajaan Malaysia

Pengenalan dan penguatkuasaan dasar dan polisi yang merangkumi individu dan masyarakat kelompok di Malaysia membuktikan bahawa kerajaan Malaysia sangat mementingkan pembangunan sosial. Antara dasar pembangunan sosial yang wujud di Malaysia:

- i. Dasar Sosial Negara
- ii. Dasar Warga Tua Kebangsaan
- iii. Dasar Kebajikan Masyarakat Negara
- iv. Dasar Wanita Negara
- v. Dasar Kurang Upaya
- vi. Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara
- vii. Dasar Kanak-kanak
- viii. Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- ix. Dasar Kependudukan Malaysia (kearah 70 juta penduduk).
- x. Dasar Pendidikan Kebangsaan

- xi. Dasar Urbanisasi Negara
- xii. Dasar Pembangunan Luar Bandar
- xiii. Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar
- xiv. Wawasan 2020
- xv. Islam Hadhari
- xvi. Gagasan 1Malaysia
- xvii. Program Transformasi Nasional
- xviii. Transformasi Nasional 50 (TN50).

2.0 Isi

2.1 Pembangunan sosial mewujudkan kesejahteraan sosial dalam masyarakat majmuk

2.1.1 Kepentingan perpaduan kaum

Sudah terang lagi bersuluh bahawa jika kita membincangkan pembangunan sosial, akan wujudlah isu perpaduan kaum. Terutama sekali apabila kita membincangkan pembangunan sosial dalam konteks Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang kaum yang mana majoritinya terdiri daripada kaum Melayu/Bumiputera (61.9%), Cina (22.6%) dan India (6.7%).

Perpaduan dalam kalangan pelbagai kaum dan etnik di negara kita perlulah diwujudkan dan dipelihara bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara pada masa kini dan pada masa akan datang. Perkara ini boleh lagi ditekankan dengan melihat kembali sejarah hitam Malaysia pada 13 Mei

1969 yang menyebabkan pertumpahan darah yang disebabkan daripada perbalahan antara kaum. Peristiwa ini telah memberikan pengajaran yang sangat bermakna tentang kepentingan perpaduan kaum yang mampu mewujudkan kesejahteraan sosial dalam sesebuah masyarakat. Masyarakat yang mempunyai pelbagai kaum dan etnik akan dapat menikmati kesejahteraan sosial hanya jika pembangunan sosial yang menyeluruh dan komprehensif dapat diwujudkan. Oleh itu, telah terbukti bahawa betapa pentingnya perpaduan kaum dalam masyarakat majmuk seperti negara kita bagi mengelakkan daripada peristiwa seperti peristiwa pada 13 Mei 1969 berlaku sekali lagi.

2.1.2 Nilai-nilai positif perlu dipertingkatkan dan dipertimbangkan

Sifat kepelbagaian kaum dengan negara Malaysia tidak dapat diasingkan bagi isi dengan kuku malah dibanggakan lagi oleh pelbagai lapisan masyarakat. Namun, timbul persoalan sama ada kepelbagaian ini menjurus kepada keamanan negara ataupun kekacau-bilauan negara. Persoalan ini terjawab apabila Shamsul Amri (2011) menulis buku beliau yang bertajuk Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia sebagai Work-in-progress. Menurut beliau, sistem nilai yang mempunyai titik persamaan dan bersifat universal dapat mewujudkan 'Kesepaduan dalam Kepelbagaian'. Sistem nilai ini wujud dalam setiap agama, kepercayaan dan budaya daripada pelbagai kaum dan perlu diamalkan agar dapat dimanfaatkan dan dinikmati untuk kebaikan bersama. Setiap kaum perlulah berkompromi dan

memahami antara satu sama lain serta melihat asas nilai kebaikan itu sebagai petunjuk atau panduan dalam hidup agar dapat mewujudkan kesepaduan antara satu sama lain.

Antara nilai dan prinsip kemanusiaan yang perlu kita tingkatkan dan pertimbangkan terutama sekali dalam masyarakat majmuk di Malaysia bagi merealisasikan perpaduan kaum dalam negara ialah menghormati hak asasi manusia, menentang pmerasan dan penindasan sesama manusia, cintakan keadilan, bencikan keganasan, berperikemanusiaan, menghormati pemimpin yang jujur dan cintakan keamanan dan perdamaian. Tidak lupa juga nilai-nilai asas yang diterima dan dikongsi oleh seluruh lapisan masyarakat daripada semua golongan etnik seperti jujur, amanah, menghormati ibu bapa, orang tua dan orang berilmu, sanggup berkorban untuk negara, berjuang menegakkan kebenaran, bersih, cekap, rajin bekerja dan sebagainya.

Usaha-usaha yang dilakukan oleh berbagai-bagai unit di Malaysia untuk memupuk dan menanamkan sifat persefahaman dan perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang etnik akan menjadi lebih mudah jika nilai-nilai sejagat di atas dipertingkatkan dan dipertimbangkan oleh masyarakat. Selain itu, interaksi positif antara manusia berlainan latar belakang juga mampu untuk merapatkan hubungan sesama manusia seterusnya mewujudkan kesejahteraan sosial dalam masyarakat majmuk.

2.2 Perkembangan dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia dapat dikekalkan

Perkembangan sosial masyarakat Malaysia membawa satu nilai yang sangat penting bagi setiap rakyat iaitu nilai jati diri. Nilai jati diri merupakan nilai yang melambangkan identiti diri seseorang ataupun identiti masyarakat sesebuah negara. Rakyat Malaysia akan merasakan semua tindakan mereka akan melambangkan negara mereka. Jika setiap masyarakat Malaysia mempunyai nilai jati diri yang tinggi, mereka akan sentiasa berkerja keras dengan matlamat memajukan negara. Secara tidak langsung pembangunan ekonomi negara akan lebih rancak kerana setiap rakyat bersungguh-sungguh memajukan negara.

Sebagai contoh, kita boleh melihat bagaimana negara Jepun mampu berkembang menjadi negara yang maju walaupun mengalami kekalahan semasa perang dunia ke-2. Rakyat Jepun diterapkan semangat cinta akan negara dan nilai jati diri seawal usia lima tahun menyebabkan rakyat Jepun sangat menghargai negara mereka.

2.2.1 Perpaduan masyarakat majmuk menjadi asbab kestabilan ekonomi

Dasar pecah perintah yang diperkenal oleh kerajaan British mewujudkan jurang ekonomi antara suku kaum di negara Malaysia. Hal ini menyebabkan tiga kaum utama di Malaysia diasingkan mengikut ekonomi dan kawasan penempatan. Kaum Melayu ditempatkan di kawasan luar bandar dengan pertanian dan pelayan sebagai sumber pendapatan. Kaum India kebanyakan ditempatkan di kawasan ladang estet dan peladangan sebagai punca pendapatan. Kaum Cina yang mengusahakan perlombongan bijih timah ditempatkan di kawasan Bandar.

Walaupun dasar ini membawa keuntungan kepada kerajaan British, kesan negatif terhadap ekonomi negara Malaysia mampu membawa pelbagai masalah di jangka panjang. Hal ini menyebabkan ekonomi bumiputera terutamanya kaum Melayu ketinggalan dan mundur. Lebih teruk lagi, perpecahan kaum berlaku seperti peristiwa 13 Mei meninggalkan sejarah hitam negara Malaysia.

2.2.2 Penghapusan penguasaan ekonomi untuk satu kaum melicinkan aliran ekonomi

Demi mengurangkan jurang ekonomi antara bangsa Malaysia, kerajaan memperkenalkan satu program sosioekonomi iaitu Dasar Ekonomi Negara (DEN) pada tahun 1971. Antara tujuan utama Dasar Ekonomi Baru adalah untuk menyusun semula struktur masyarakat Malaysia agar mereka tidak lagi berasaskan ciri ekonomi dan tempat tinggal. Secara tidak langsung dasar ini mampu membangunkan tahap sosial rakyat Malaysia dan membentuk perpaduan yang kukuh antara kaum.

Berpandukan Dasar Ekonomi Baru, kerajaan mengutamakan penyertaan yang sama rata di setiap aktiviti ekonomi yang dijalankan agar ketidakseimbangan ekonomi mampu berkurang. Kerajaan mengharapkan bahawa pemilikan saham di Malaysia akan melambangkan komposisi kaum, dimana 30% saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera, 40% saham bagi bumiputera dan 30% saham menjadi milik pelabur asing.

Selain itu, kerajaan mewujudkan beberapa agensi kerajaan dengan tujuan menaiktaraf ekonomi rakyat Malaysia. Antara agensi-agensi tersebut ialah Majlis Amanah Rakyat MARA dan Amanah Saham Nasional. Agensi-agensi ini menyalurkan bantuan yang berupa modal perniagaan dan subsidi pertanian kepada mereka yang layak menerima bantuan. Kesannya, bangsa lain mula menceburi bidang perniagaan dan perladangan.

Walaupun bagaimanapun, Dasar Ekonomi Baru tidak mampu menutup jurang ekonomi antara kaum sepenuhnya kerana perbezaan ekonomi masih terselah. Perkara ini berkemungkinan disebabkan persaingan antara peniaga lama dan peniaga baharu.

Oleh itu, jelaslah dengan memajukan pembangunan sosial dan menerapkan jati diri di kalangan masyarakat Malaysia mampu memajukan ekonomi negara serta menyatupadukan kaum-kaum. Pada dasarnya, kerajaan Malaysia perlulah mengutamakan aspek pembangunan sosial agar rakyat lebih bermotivasi dan tersorong untuk memajukan negara.

2.3 Hubungan pelbagai kaum dan etnik dapat dieratkan

Malaysia memiliki komposisi penduduk yang terdiri daripada kepelbagaian budaya dan bangsa. Hubungan harmoni yang terjalin sesama kaum ini akan memperkukuhkan lagi kedaulatan dan pembangunan negara. Keharmonian yang terhasil daripada perpaduan antara rakyat Malaysia merupakan satu keistimewaan dan juga daya tarikan kepada pelabur asing untuk melabur di negara kita justeru menaikkan ekonomi di Malaysia menjadikan Malaysia lebih maju dan sentiasa damai..

Menurut bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed, agenda perpaduan sentiasa dititikberatkan kerana dengan bersatu hati kita dapat membina sebuah negara yang aman damai, sejahtera dan rakyatnya sentiasa mementingkan perpaduan dan negara aman, politiknya tidak huru-hara, serta ekonomi yang baik dan dapat menarik minat pelabur asing. Tambahan pula, konsep 1Malaysia yang berasaskan prinsip “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” juga menerangkan bahawa hubungan harmoni dan kerjasama antara pelbagai kaum merupakan kunci atau senjata utama untuk menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran supaya negara kita dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan untuk menjadi negara yang maju.



Rajah 1: Datuk Seri Mustapa Mohamed

Secara umumnya, perasaan prasangka dan ketidakpuasan hati antara pelbagai etnik dalam sesebuah negara bukanlah suatu perkara asing. Persoalannya, bagaimana kita menangani isu ini secara berhemah agar kita dapat meluahkan perasaan hati tanpa menjejaskan keamanan dan keharmonian negara. Di kebanyakan negara, persengketaan antara kaum lebih-lebih lagi berkenaan isu agama telah membawa peperangan yang berlarutan sekaligus membantut pembangunan ekonomi, sosial dan juga politik negara berkenaan dan juga menyebabkan negara itu musnah dan hancur. Sebagai contoh, peperangan antara India dan Pakistan yang disebabkan oleh isu perkauman.



Rajah 2: Peperangan antara India dengan Pakistan

Negara kita telah pun mencapai kemerdekaan selama 62 tahun, namun dalam soal perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum masih tidak lagi diselesaikan sepenuhnya. Pada masa kini, hubungan yang harmoni sesama kaum dipandang ringan oleh sebahagian besar daripada kita. Menurut Datuk Mohd.Ariff Sabri Abdul Aziz, isu sensitif antara kaum dalam soal hak, warna kulit, kepercayaan agama dan budaya sering

dipertikaikan. Sebagai contoh, pernah dahulu terjadi di mana insiden seorang pengetua sekolah menengah dan penolong pengarah sebuah agensi kerajaan yang didakwa mengeluarkan kata-kata berbaur rasis, mereka didakwa menyebut pelajar Cina tidak diperlukan di negara ini dan boleh pulang ke China di samping menyamakan gelang keagamaan Hindu yang dipakai pelajar-pelajar India seperti rantai anjing adalah amat menyedihkan dan amat kurang ajar. Walaupun terdapat sebab-sebab di sebalik kejadian tersebut, tetapi perkataan sedemikian yang dikeluarkan oleh seseorang yang berkeelayakan tinggi telah menyebabkan ketidakpuasan hati di kalangan masyarakat Cina dan India, seolah-olah mereka diperlakukan seperti mereka tiada perasaan dan tidak wujud.

2.3.1 Masyarakat hidup berdamai

Dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk pelbagai bangsa, kaum, orang Islam dan bukan Islam, mencari kesejahteraan dalam hidup bermasyarakat adalah asas utama dan menjadi satu tuntutan besar dan cabaran. Ini kerana kehidupan tanpa hubungan baik akan membawa kepada ketidakstabilan dalam sistem sosial, politik dan ekonomi sesebuah negara. Dengan itu, setiap pihak perlu mempunyai sikap intergrasi yang positif dengan yang lain agar hidup sejahtera dapat menjadi satu elemen berkekalan dalam masyarakat.

Rakyat kita terdiri daripada pelbagai agama, tetapi perbezaan ini tidak semestinya membawa kepada salah faham, ketegangan dan konflik antara mereka hingga menghangatkan suhu hubungan antara penganut agama dan perkauman itu. Kajian antara penganut agama menunjukkan

tahap kefahaman adalah tinggi dan persepsi prasangka adalah rendah. Kepelbagaian kehidupan penganut antara agama di negara ini didapati baik, aman dan damai. Perkongsian perayaan budaya dan agama sudah diraikan bersama melalui kongsi raya antara Hari Raya dan Tahun Baharu Cina, 'Deepa Raya' antara agama Hindu dengan Islam dan lain-lain. Bazar Ramadan sudah diterima bersama oleh pelbagai penganut agama hingga mereka yang berpuasa dan tidak berpuasa bertemu untuk mencari makanan dan kuih-muih tradisional yang disukai bersama. Ini menunjukkan di sebalik perbezaan penganut agama, rakyat kita mampu membina titik pertemuan yang membawa kita ke ruang sosial yang sama untuk menghubungkan dan membina rasa kehormatan antara kita bersama. Perkongsian nilai dan hidup antara penganut pelbagai agama didapati sudah terserlah di kawasan kediaman, gelanggang permainan, tempat kerja, sekolah, universiti, ruang perniagaan, dalam persatuan dan politik.



*Rajah 3: Satu komuniti yang menyambut Hari Raya dan Deepavali
serentak*

Kegiatan yang dilakukan bersama ini berjaya mewujudkan budaya hormat menghormati dan saling mempercayai antara penganut agama dalam masyarakat di negara Malaysia. Hal ini memupuk budaya kerjasama antara rakyat iaitu pelbagai agama. Mereka sudah mampu bertemu dan berhubung antara satu sama lain untuk menjalankan kegiatan sukarelawan mereka seperti menderma darah, menderma organ dan menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan tidak kira agama dan kaum apa. Ketika rakyat Malaysia dilanda masalah dan malapetaka seperti kebakaran, kemalangan jalan raya, bot karam dan tanah runtuh, terserlah nilai murni dalam kalangan penganut pelbagai agama ini. Bukti terbaik dapat dilihat ketika banjir besar melanda Kelantan pada 2014. Ketika dan selepas banjir itu, kenderaan agensi kerajaan, masyarakat awam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang masing-masing membawa muatan air minuman, makanan, kain selimut, pakaian, peralatan memasak dan pelbagai keperluan harian yang lain, berbaris di sepanjang jalan menghala Gua Musang dan Kuala Krai. Mangsa banjir terdiri daripada pelbagai penganut agama, namun jumlah terbesar adalah beragama Islam. Bantuan mencurah-curah datang dari dalam dan luar negara tanpa mengira latar belakang etnik dan agama. Ini menunjukkan bahawa Malaysia hidup dalam aman dan damai dan tidak lagi bergaduh antara satu sama lain. Selain itu, masyarakat juga sama-sama terbabit menentang keganasan Israel di Gaza, membantu anak perang di Iraq dan sama-sama mendesak kerajaan Malaysia supaya memberi perlindungan kepada pelarian Rohingya. Meskipun hubungan baik

antara penganut agama sudah wujud kini, namun ini tidak bermakna kita sudah mencapai keharmonian dan kedamaian agama sepenuhnya di negara ini. Usaha untuk membina keharmonian dan kedamaian ini ialah satu tugas yang perlu dijalankan secara berterusan kerana negara akan sentiasa berdepan perubahan dan transformasi sosial dalam masyarakat. Perubahan sosial ini mewujudkan budaya baharu dalam masyarakat. Kadang kala Masyarakat tidak patuh dan taat kepada Perlembagaan, tidak merujuk kepada ibu bapa, membelakangkan hujah golongan agama dan menggantikan nilai tradisi dengan budaya kosmopolitan, globalisasi dan alaf baharu yang bertindak berdasarkan perkiraan kepentingan diri semata-mata dan hawa nafsu masing-masing.

2.3.2 Tragedi berdarah tidak berulang

Sudah 62 tahun kita merdeka, bebas hidup dalam negara demokrasi, bebas ke mana sahaja, bebas mengamalkan ajaran agama masing-masing, namun adakah ia bermakna kita juga bebas melakukan perkara yang boleh menjejaskan keharmonian dan perpaduan yang sudah enam dekad dipupuk dari kecil lagi?. Belum cukupkah pengajaran daripada apa yang terjadi di tragedi 13 Mei 1969, di mana insiden rusuhan kaum yang sepatutnya sudah banyak mengajar kita erti perpaduan dan seharusnya menjadi iktibar bagi mengelakkan negara kacau bilau dan musnah akibat sengketa sesama kita iaitu rakyat Malaysia. Ini kan pula, Rusuhan di tapak Kuil Sri Mariamman, USJ 25 di Putra Heights, Subang Jaya, Selangor, yang berlarutan hampir

beberapa hari, ini menunjukkan masih ramai yang tidak belajar daripada tragedi pertumpahan darah 49 tahun lalu.

Apa yang menggemparkan dan menyedihkan semua rakyat Malaysia ialah semasa kejadian itu ia telah mengakibatkan seorang anggota bomba yang tidak ada kaitan yang hanya berniat membantu tetapi telah diserang dan pukul hingga parah dan jentera bomba dirosakkan selain dua kenderaan lain dibakar. Muhammad Adib dimasukkan ke unit jagaan rapi di Pusat Perubatan Ramsay Sime Darby, Subang Jaya, kira-kira jam 1 pagi, sebelum dipindahkan ke IJN, pada keesokan malamnya. Ketua Polis Selangor memberi jaminan keadaan telah kembali terkawal. Menteri di Jabatan Perdana Menteri P Waytha Moorthy meminta semua masyarakat India haruslah bertenang. Selain itu, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad telah menegaskan bahawa insiden yang melibatkan Adib ini adalah berunsur jenayah dan bukan perkauman atau agama.



Rajah 4: Muhammad Adib yang terlantar di hospital

Peristiwa yang malang ini mengajar kita erti bahawa kegansan antara kaum boleh menyebabkan negara tidak selamat dan hendaklah dielakkan agar masyarakat dapat hidup dengan aman dan harmoni justeru dapat mencapai negara yang maju kerana terpupuk pepaduan yang stabil malah dapat meningkatkan dari segi ekonomi, sosial dan politik di negara Malaysia.

3.0 Kesimpulan

3.1 Masyarakat majmuk merupakan identiti Malaysia

Kesimpulannya, pembentukan sosial sangatlah penting di Malaysia kerana masyarakat majmuk sangat sinonim dengan Malaysia yang merupakan sebuah negara yang bercirikan pelbagai jenis kaum serta identiti. Bagi memastikan keadaan negara yang aman dan terutama sekali aspek ekonomi, pembangunan sosial perlu dititik beratkan kerana ia merupakan salah satu langkah yang paling penting bagi memastikan kesepaduan dan kestabilan dalam hubungan sesama masyarakat. Pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia bermula apabila kemasukan migran dari luar dan terhasil dari penjajahan British menjadikan Malaysia sebuah negara yang kaya dengan budaya, adab resam dan bahasa yang menjadi faktor tarikan negara luar untuk datang ke Malaysia. Hal ini secara tidak langsung menyumbang kepada ekonomi dari sektor perlancongan.

3.2 Refleksi

Jadi, sebagai warganegara Malaysia, adalah tanggungjawab kita untuk mewujudkan perpaduan di mana asas perpaduan telah disediakan melalui penubuhan persekutuan. Kita hendaklah mencapai persefahaman, persetujuan dan titik pertemuan ke arah perpaduan. Kita juga hendaklah sedar bahawa isu perkauman adalah bahaya kepada perpaduan rakyat dan tindakan tersebut sangatlah tidak matang kerana setiap manusia bergantung antara satu sama lain dan rakyat hendaklah bersatu padu demi mencapai kemajuan dan keamanan negara.